

LAPORAN AKTIVITI JANM PULAU PINANG
BULAN FEBRUARI 2021

1. LAWATAN PEMERIKSAAN PEGAWAI BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH, JABATAN PERDANA MENTERI

Seramai dua orang pegawai dari Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Putrajaya telah membuat lawatan pemeriksaan di JANM Pulau Pinang pada 23 Februari 2021, Selasa.

Lawatan bermula pada jam 9 pagi dan turut disertai oleh dua orang pegawai dari Tabung Haji Properties KOMTAR. Lawatan dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai latar belakang jabatan dan pengusulan perpindahan pejabat oleh Puan Ommi Najwa Binti Mokhtar. Pihak BPH turut membuat lawatan ke tingkat 40 dan tingkat 39.

Lawatan pemeriksaan ini dibuat berikutan dari permohonan perpindahan pejabat dari KOMTAR oleh JANM Pulau Pinang. Justeru itu, lawatan pemeriksaan telah dibuat sebelum sebarang kelulusan diberikan.

Gambar Aktiviti :







2. AUDIT DALAMAN EKSA BIL. 2/2020

Jawatankuasa Audit EKSA telah menjalankan Audit Dalam EKSA Bil.2/2020 pada 16 Februari 2021. Audit EKSA diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit EKSA iaitu En. Mat Sobri Bin Mat Saad bersama lapan orang ahli jawatankuasa audit terlibat dalam proses audit tersebut. Pengauditan dijalankan ke atas lima komponen iaitu keperluan utama pelaksanaan, ruang tempat kerja/pejabat, tempat umum, keselamatan persekitaran dan tempat-tempat khusus. Auditan bermula jam 9.30 pagi dan berakhir jam 4.30 petang.

Gambar Aktiviti:



